

# DI SEKELILING PERBUNUHAN AL-MALIK ABDULLAH SHARQ AL-ARDAN

Al-Malik Abdullah bin Husin Raja Sharq Al-Ardan yang nasab keturunannya daripada Hassan Bin Ali Bin Abi Talib (anak kepada Fatimah Az-Zahrah Binti Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasalam) itu telah terbunuh ditembak oleh seorang yang bernama Mustaffa Syukri A'Shu seorang tukang jahit anak Palestin berumur 21 tahun tatkala Al-Malik Abdullah itu masuk ke dalam Masjid Baitul Maqdis hendak menunaikan fardhu Jumaat pada 20 Julai 1951. Perbunuhan ini berlaku yang kedua sesudah empat hari terbunuhnya seorang besar Lubnan, Riyadh Al-Salih bekas perdana menteri Lubnan yang melawat ke Oman bersama-sama dengan doktornya. Kematian Al-Malik Abdullah telah menggemparkan pihak-pihak tinggi kerajaan British yang memandang Al-Malik Abdullah itu seorang sahabat yang setia dan akrab kepada pihak kerajaan British dan di sebalik itu ia di pandang oleh sebahagian besar lingkungan-lingkungan negara Arab sebagai seorang yang mengutamakan masalah kerajaannya sendiri dan kedudukannya dengan menyempurnakan cita-citanya untuk mengadakan negara Syria Al-Kubra di dalam mana bergabung negara-negara Syria, Lubnan, Palestin dan Sharq Al-Ardan menjadi sebuah negeri yang bersyariat. Dengan kedudukan inilah bagi orang-orang yang mengikuti riwayat perjuangan negara-negara Arab semenjak daripada Almarhum ayahandanya Sharif Husin Bin Ali (Sharif Mekah) dahulu sehingga kepada diri Al-Malik Abdullah akan tidak terperanjat mendengar kejadian perbunuhan itu dengan sebab siasah-siasahnya adalah sangat cenderung kepada kuasa-kuasa Barat yang dari semasa ke semasa dengan sebab kedudukan-kedudukan tanah Arab yang mustahak itu bagi menghubungkan perjalanan mereka dengan Timur jauh – maka mereka bercita-cita menundukkan untuk keselamatannya.

## MUFTI PALESTIN TAK KENA MENGENA

(Oleh Edrus)

Oleh kerana pembunuhannya itu dikatakan seorang daripada angkatan pertubuhan bernama "Al-Jihad Al-Maqdis" iaitu pertubuhan pembela tanah air Palestin yang dipimpin oleh Sahib Al-Samahah Mufti Al-Haji Amin Al-Husaini Mujahid Palestin yang terkenal dan berjasa maka apabila terhebah sahaja berita tentang perbunuhan itu dengan serta merta pihak perkhbaran-perkhbaran Barat mendatangkan fitnah bahawa kononnya anjuran membunuh Al-Malik Abdullah yang berselisih faham-fahamnya dan yang telah dituduh oleh sebahagian besar orang-orang Arab sebagai bertujuan melebarkan tanah kawasannya Sharq Al-Ardan yang kecil itu supaya bertambah besar adalah di buat dengan kemahuan Al-Haji Amin Al-Husaini tetapi fitnah-fitnah itu akan terhapus setelah menyiasat dan menyelidiki dengan saksama berita-berita tentang apa yang sebenarnya berlaku mengikut penyelidikan-penyelidikan akhbar Arab yang telah sampai ke tangan kita. Setengah-setengah pemerhati Arab berpendapat bahawa perbunuhan berlaku setelah empat hari terbunuhnya Riyadh Al-Salih itu



*Almarhum Al-Malik Abdullah di sambut oleh Basharah Al-Huri ketua negara Lubnan di Perhentian Kapal Terbang Beirut dalam masa lawatannya yang akhir ke negeri itu.*

tak dapat tiada ada berkait mengait dan tali temali dengannya sedang perkara perbunuhan Riyadh Al-Salih di aman itu belum lagi terhurai hingga hari ini.

Husin Mansur Setiausaha Agung Perikatan Sudan di Mesir telah menjelaskan kedudukan itu terutamanya bagi membersihkan nama baik Al-Haji Amin Al-Husaini yang menjadi musuh ketat penjajahan-penjajahan Barat oleh kerana



*Almarhum Al-Malik Abdullah yang telah di tembak lalu mangkat*

jihad-jihadnya di atas Palestin itu telah berkata bahawa dua kejadian yang menyedihkan telah berlaku di dalam mana Riyadh Al-Salih dan Al-Malik Abdullah telah terkorban – tiap-tiap kejadian itu di antara satu dengan lainnya berserupa iaitu telah berlaku di sebabkan dorongan menuntut bela yang terbitnya dan yang mengenai orang yang menuntut bela itu sendiri .....

Katanya lagi : “Adapun kumpulan Al-Jihad Al-Maqdis yang sedang heboh diperkatakan dan dikait-kaitkan dalam perkara yang berlaku itu yang sebenarnya ialah suatu kumpulan tentera kebangsaan yang telah didirikan bagi membela Palestin. Pertubuhan ini bukanlah ia suatu pertubuhan yang kejam.

Mustafa Syukri Ashu (pembunuh Al-Malik Abdullah itu) ada mempunyai seorang saudara bernama Ibrahim Ashu yang berpangkat komander. Kerana kelayakannya dalam ketenteraan maka ia telah diletakkan mengawal “Bab al-Wad” iaitu suatu kawasan yang mustahak oleh kerana kedudukannya di pertengahan jalan di antara Baitul Maqdis dan Tel Aviv. Kejadian ini berlaku di dalam masa peperangan di Palestin yang lalu. Tetapi manakala tentera

perikatan Arab telah masuk ke Palestin dan tentera Arab Legion (tentera Al-Malik Abdullah) menarik diri dari Lida (Al-Lid) dan Al-Ramlah maka Ibrahim telah diperintahkan meninggalkan kawasanannya dan kerana ia telah enggan maka dengan suatu cara yang halus ia telah di jemput oleh ibu pejabat Arab Legion untuk berunding dan di pertengahan jalan ia dikatakan telah di bunuh. Perbunuhan atas Ibrahim Ashu ini adalah menjadikan sebab dan semenjak itu Mustafa telah bersumpah bahawa ia akan menuntut bela abangnya itu dan sekarang sumpahnya itu telah ditepatinya dengan membunuh Al-Malik Abdullah. “ – demikianlah keterangan Husin Mansur.

Pada hari terbunuhnya Al-Malik Abdullah itu polis telah menangkap lebih daripada seribu orang dan telah membunuh 30 orang. Sebahagian daripada itu orang-orang yang di tangkap ialah keluarga Mufti Al-Haji Amin Al-Husaini yang telah difitnahkan campur dalam pembunuhan itu – kata akhbar Al-Haram Mesir.

## RIWAYAT YANG BURUK

---

Sebelum membawa akan kesan-kesan yang terbit daripada pembunuhan itu lebih dahulu di sini molek di terangkan riwayat hidup Al-Malik Abdullah. Ia di zahirkan di Mekah pada tahun 1882. Ia anak Sharif Husin yang tertua dan mendapat pelajaran di Istanbul. Ia telah pernah mewakili Mekah dalam parlimen Turki. Sebaik-baik sahaja terbit perang tahun 1914 maka ia telah mengadakan yang kesan melawan Turki dan menyatukan dirinya dengan angkatan British menyertai sahabatnya “Lawrence Of Arabia” yang terkenal. Ibu pejabat perangnya dipusatkan di bandar Aman yang kemudiannya setelah Inggeris menarik naungannya pada tahun 1921 diserahkan kepada Al-Malik Abdullah beserta dengan tentera Arab Legion yang dibentuknya dengan latihan pegawai-pegawai British itu dan terkenal sehandal-handal tentera di Timur Tengah.

Setelah tamat perang besar yang kedua ia mengisytiharkan dirinya menjadi raja bagi kerajaan Hashimiah di Sharq Al-Ardan. Pada tahun 1950 kerajaannya telah bertambah luas tatkala

(sambungan pada muka 35)

Palestin Timur yang ditawan oleh tenteranya telah disatukan dengan kerajaan Sharq Al-Ardan. Al-Malik Abdullah telah meninggal sebelum sampai cita-citanya yang besar untuk mendirikan Suria Al-Kubra – menggabungkan Lubnan, Syria, Ardan dan Palestin menjadi sebuah kerajaan. Cita-cita itu belum tercapai dan untuk merancangkan tujuan-tujuan yang tersebut maka sesudah Palestin dibelah bagi ia menghendaki supaya kerajaannya mendapat suatu tanah untuk sebuah pelabuhannya di pantai laut Mediteranean supaya ia mudah menerima bantuan-bantuan daripada kuasa-kuasa Barat yang sangat dijulangnya tinggi itu dengan tidak lagi melalui terusan Suez dan dengan kerana tujuan-tujuan itu ia telah menerima tawaran perdamaian dengan Yahudi yang telah bertapak itu. Oleh kerana cita-citanya tidak akan sampai kalau dimintanya dengan kerajaan-kerajaan Arab yang sebahagian besarnya berjuang dengan tulus ikhlas di dalam Palestin tidak untuk maslahat kerajaan mereka masing-masing – hanya semata-mata untuk jihad pada jalan Allah yang dituntut mereka itu menjalankannya.



*Mustafa Syukri A'shu pembunuh Al-Malik Abdullah.*

*Mustafa telah ditembak mati di situ juga.*

-----\*-----\*-----

Dengan ini sudah terang bahawa dasarnya adalah berlawanan dengan dasar lembaga Arab, ia sangat-sangat tidak menggemari berdamping dengan negara-negara Arab oleh kerana negeri-negeri Arab itu telah merasa dua kali diberi gula-gula tetapi pahit di dalamnya dan dengan kerana itulah dasar Al-Malik Abdullah itu dipandang oleh orang Arab sebagai pengahalang kepada cita-cita persatuan Arab yang telah mulai sebat di dalam jiwa orang-orangnya yang telah insaf bagaimana kuasa-kuasa Barat telah mempermain-mainkan mereka. Adanya keinsafan itu bukannya hanya pada diri orang lain tetapi telah meresap kepada diri anaknya Al-Amir Talal ( yang sekarang dikatakan oleh pihak pertadbiran Sharq Al-Ardan tidak betul akal nya dan diletakkan di Switzerland)

Amir Talal yang ibunya daripada bani Hashim juga adalah telah menyedari bagaimana mustahaknya persatuan dan persamaan di antara orang-orang Arab. Kepadanya tidak ada pangkat kebesaran diri terutamanya atas keturunan. Pada bulan Mei tahun ini apabila ayahandanya melawat ke negeri Turki maka

sepeninggalannya Amir Talal telah diletakkan menjadi pemangku Raja.

Majalah Al-Masur Mesir telah menyiarkan tulisan daripada wakilnya di Beirut yang membayangkan bahawa tatkala lembaga Arab bersidang di Damsyik telah terhebah bahawa Syarq Al-Ardan tidak akan menghantarkan wakilnya ke persidangan itu. Dalam masa itu Amir Talal menjadi pemangku Raja. Ia telah menjemput Perdana Menteri Samir Ar-Rafi'e mengadapnya dan menzahirkan kepadanya bahawa Syarq Al-Ardan tidak patut mengambil sikap yang demikian, sikap yang mana sudah tentu akan dipandang sebagai pemecah perpaduan kerajaan-kerajaan Arab yang sedang bermati-matian menentang kecerobohan Yahudi.


Perdana Menteri itu menjawab : "Perintah diraja telah menetapkan hal itu dan perkara itu telah selesai dan tak payah diungkit-ungkit lagi."

Mendengar jawab itu Amir Talal telah murka lalu mengeluarkan perintah : "Saya Naib Raja dan sayalah sekarang

yang memerintah di sini; pergilah kamu sendiri menghadiri persidangan itu dan bawalah bersama-sama Menteri Luar.” Melihat Perdana Menteri itu telah membantah dan enggan menurut perintahnya maka Amir Talal telah menerkamnya dan menggoncang-goncang badannya sambil menolaknya ke tembok dan mengeluarkan perintah lagi : “Saya sekarang telah memberi perintah maka hendaklah kamu menunaikannya ! “

Perdana Menteri itu dengan segera meninggalkan istana terus mendapatkan Menteri Utusan British di rumahnya dan menceritakan perihal yang berlaku. Menteri Utusan British itu dengan terburu-buru telah menghadap Amir Talal. Kedatangannya disambut oleh Amir Talal dengan tawar dan dengan tidak memberi peluang Menteri Utusan itu membuka mulutnya Amir Talal berkata : “Saya tau sebab-sebab kedatangan tuan ke mari danb saya tau apa yang tuan hendak persembahkan. Hendaklah diketahui bahawa kita adalah menduduki sebuah kerajaan yang merdeka dan mustahak saya menarik perhatian tuan kepada suatu perkara yang patut tuan ketahui kedudukannya dengan jelas bahawa tuan ialah seorang Menteri utusan kerajaan tuan di negeri kita dan oleh itu tuan tidak berhak mencapurkan diri di dalam urusan kita yang khas. Saya tidak membenarkan sama sekali tuan mencampuri hatta walaupun hendak memberi fikiran!.... berundurlah tuan dari sini.”

Yang di atas ini ialah salah satu daripada sebab yang terang mengapa Amir Talal dikatakan berubah akalnya dan dihantar berubat di dalam mana menurut berita-berita yang tersiar bahawa tempatnya dikawal dengan cermat dan surat menyurat adalah diperiksa dengan teliti. Ada lagi suatu perkara pertelingkahan yang besar di antaranya dengan ayahandanya tatkala Al-Malik Abdullah hendak mengadakan undang-undang tubuh kerajaan Syarq Al-Ardan. Al-Malik Abdullah berpendapatan bahawa ia tidak mahu memberi kuasa penuh kepada parlimen; ketetapan-ketetapan parlimen itu diambil hanyalah sebagai nasihat sahaja – Raja dan kerajaan tidak terikat kepada ketetapan-ketetapan parlimen tersebut. Sekalian hadirin (orang-orang besar) telah menzhahirkan fikirannya bersetuju dikecualikan Amir Talal seorang sahaja.



Amir Talal menerangkan perdirinya dengan berkata bahawa pendapatannya hendaklah dewan orang ramai (parlimen) itu diberi kuasa penuh dan hendaklah orang ramai memerintah negara sendiri melalui dewan orang ramai itu.

Al-Malik Abdullah tatkala mendengar fikiran anaknya itu ia pun murka lalu berpaling kepada Perdana Menteri Samir Ar-Rafi'ie dan bertanya kepadanya : “Apa fikiran kamu terhadap kepada fikiran orang gila ini ?! “

Amir Talal sudah tentu telah tersentuh perasaannya. Perdana Menteri itu pun menjawab : “Buah fikiran ini, buah fikiran Amir – ia adalah fikiran anak-anak muda yang tidak siuman.”

“Ini ialah fikiran saya”- jawab Amir Talal.

“Tidak! “Kata Perdana Menteri itu lagi – “Ini ialah fikiran seteru kerajaan.”

Amir Talal tidak dapat menahan hatinya terus bertempik :

“ Engkaulah seteru kerajaan ; yang sebenarnya engkau tidak mencintai keluarga Hashimiah; ikhlas engkau semata-mata bermuka-muka (nampak) sahaja.”


Melihat pertengkaran itu telah memuncak maka Al-Malik Abdullah telah mengherdik anaknya: “ Aku tidak memaksai singgahsana Jordan ini daripada sesiapa. Singgahsana ini sebelum kedatanganku ke mari ada wujudnya ; aku lah yang membentuknya ; aku yang telah membina dia lepas sepenjuru sepenjuru lagi! Aku tidak akan membenarkan wakil-wakil orang ramai yang tidak membina dan tidak berpenat lelah datang di parlimen mempermain dan meragamkan akan binaan yang telah aku dirikan itu.” Sambungannya lagi dengan murkanya :  
“ Engkau diamlah jangan bersuara lagi....aku tahu kerajaan in akan hilang apabila engkau mewarisinya kelak. Tunggulah aku mati dan kemudian buatlah apa yang engkau suka.! “

-----\*-----\*-----

Sebagaimana disebutkan di atas tadi apabila ia hendak pergi ke Turki maka ia melantik Amir Talal menjadi Naib Raja lalu berpesan kepadanya: “ Ini adalah suatu ujian kepada engkau dan aku berharap janganlah engkau menimbulkan kejadian yang rumit lagi.”

Al-Malik Abdullah berpesan kepada Perdana Menterinya Samir Ar-Rafie : “ Aku telah melantik Talal menjadi naib Raja selama aku keluar negeri. Talal ialah anakku dan aku telah masak tentang fil perangnya ; kalaulah menyalahi akan sesuatu perkara atau ia memberi perintah atas satu-satu perkara yang engkau yakin bahawa aku tidak mempersetujukannya maka engkau bantah dan janganlah engkau tunaikan perintah itu – akulah yang akan bertanggungjawab di dalam perkara ini. “  
Amir Talal terasa bahawa perbuatan ayahnya berpesan kepada Perdana Menteri itu sebagai pelawaan yang merendahkan tarafnya.

Setengah jam sahaja sesudah ayahnya berangkat maka apabila ia balik daripada menghantar ayahnya belayar maka dilihatnya bendera ayahandanya masih berkibar-kibar di kemuncak istana. Ia pun mengeluarkan perintah supaya bendera itu diturunkan dan



*Amir Talal “Putera Mahkota” kerajaan Hashimiah (Jordan) di Beirut dalam perjalanannya ke London dan kemudiannya ke Switzerland untuk berubat di sana.*

-----\*-----\*-----